

1) PERUNTUKAN UNTUK MEMBAIKI DAN MENYENGGARA UNIT PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Adun : Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali (Hulu Kelang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Dalam tempoh 2019 hingga 2023, LPHS diluluskan peruntukan RM12.9 juta untuk melaksanakan kerja pembaikan dan penyenggaraan di 3 kawasan PPR. Malangnya, hanya 61% atau RM7.88 juta dibelanjakan sedangkan terdapat 185 unit kosong yang belum dibaik pulih. Apa tindakan kerajaan?

Untuk makluman Yang Berhormat, status perbelanjaan yang hanya 61% atau RM7.88 juta dibelanjakan bagi kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan di ketiga-tiga PPR bagi tahun 2019 sehingga pertengahan tahun 2023 adalah disebabkan oleh 2 faktor utama iaitu;

- (i) penjimatan perbelanjaan atau nilai kerja melalui proses sebut harga atau tender yang menawarkan harga yang lebih rendah atau kompetitif daripada anggaran jabatan bagi tahun 2020 hingga 2023; dan
- (ii) Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa dengan sekatan pergerakan selama **320 hari** pada tahun 2021 yang mana telah menyebabkan beberapa projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh PKP kerana kelulusan peruntukan merupakan perbelanjaan tahun semasa yang perlu dibelanjakan dalam tahun yang sama.

Walau bagaimanapun sehingga Disember 2023 jumlah yang dibelanjakan adalah RM8.24 juta.

Berkenaan dengan kerja-kerja pembaikan 185 unit kosong di ketiga-tiga PPR. Status terkini bagi kerja pembaikan PPR adalah seperti berikut :

PPR	JUMLAH UNIT KOSONG	STATUS TERKINI		
		PHSSB GUNA	TELAH DIBAIKPULIH	SEDANG DIBAIKPULIH (PERUNTUKAN TAHUN 2025)
PPR KG. BARU HICOM	42	-	36	6
PPR KOTA DAMANSARA	65	-	51	14
PPR SERENDAH	78	2	69	7
JUMLAH	185	*2	156	27

*Nota : *2 unit digunakan oleh PHSSB sebagai pejabat pengurusan dan dewan*

Buat masa ini, status 27 unit yang rosak sedang dibaik pulih oleh PHSSB yang dijangka siap pada akhir Oktober 2025 dan seterusnya proses pengisian penyewa akan dilaksanakan. Dengan kata lain, daripada 185 unit tersebut, 156 unit telah pun siap dibaik pulih dan telah selesai proses pengisian penyewa. Manakala hanya berbaki 27 unit lagi sedang dibaik pulih. Kerajaan Negeri akan sentiasa cakna dan komited dalam penyediaan rumah rakyat khususnya Program Perumahan Rakyat (PPR) ini yang sangat memberi manfaat kepada rakyat terbawah.

Pada masa ini, status daripada 'Auditor General' (AG) Dashboard yang dipaparkan dalam laman sesawang Jabatan Audit Negara telah dikategori daripada **kuning kepada hijau**. Perkara ini telah dianggap selesai dan pihak Jabatan Audit Negara telah berpuas hati dengan penjelasan dan maklum balas tersebut.